

25 Mac 2009 (Rabu)

PKNS rancang projek baru RM480 juta

PERBADANAN Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan melancarkan projek hartanah baru merangkumi rumah, kondominium dan unit kedai bernilai RM480 juta di sekitar Lembah Klang, mulai Mei ini. Pengurus Besar PKNS, Othman Omar, berkata pelancaran projek hartanah itu bagi memenuhi permintaan pasaran terutama di kawasan bandar, selain membantu merencanakan pembangunan sektor hartanah negara. Walaupun negara berdepan ketidaktentuan pasaran sektor hartanah ketika ini, katanya, PKNS tidak bercadang memperlahankan projek pembangunannya, sebaliknya akan tetap meneruskannya bagi memastikan permintaan pasaran dapat dipenuhi. "Projek pembangunan berkenaan kini giat dijalankan dan kita akan melancarkannya secara rasmi Mei ini apabila status pembinaan serta pembangunannya mencapai tahap 80 peratus," katanya selepas pelancaran Konvensyen Hartanah anjuran PKNS di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau menambah, PKNS juga mengambil inisiatif mengadakan kerjasama strategik bersama syarikat pemaju lain bagi berdepan ketidaktentuan ekonomi global masa kini. Katanya, perbadanan itu akan bekerjasama bersama beberapa pemaju dalam membangunkan projek hartanah supaya dapat meringankan kos PKNS dalam membangunkan sesuatu projek. "Langkah itu akan mengurangkan kos serta menjimatkan perbelanjaan apabila kami boleh berkongsi mengeluarkan perbelanjaan dalam menerajui sesuatu projek pembangunan," katanya. Sementara itu, Othman berkata PKNS juga bercadang membangunkan semula 147 projek hartanah terbengkalai di sekitar Lembah Klang dengan kerjasama pemaju lain.

26 Mac 2009 (Khamis)

Bank Negara akan aktifkan semula CDRC

BANK Negara Malaysia akan mengaktifkan semula Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) sebagai langkah awal untuk memastikan syarikat berdaya maju mampu berdepan persekitaran semasa yang mencabar. Gabenornya, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata ia bertujuan melengkapkan beberapa langkah yang sudah dilaksanakan untuk menanganis isu pengurusan hutang yang dihadapi isi rumah dan perusahaan kecil sederhana (PKS) serta memastikan akses berterusan kepada pembiayaan.

"Walaupun sehingga kini kedudukan hutang dan keupayaan pembayaran balik pinjaman oleh syarikat masih baik, namun langkah ini bertujuan untuk membuat jangkaan awal kemungkinan

berlaku kegagalan pembayaran balik pinjaman, justeru, memastikan perjalanan sistem kewangan yang teratur jika keadaan ekonomi global menjadi bertambah buruk,” katanya pada taklimat media sempena pembentangan Laporan Tahunan serta Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran BNM 2008 di Kuala Lumpur, semalam.

Zeti menjelaskan, jawatankuasa itu akan menyediakan mekanisme penyelesaian di luar mahkamah kepada syarikat yang berdepan masalah kewangan khususnya dari segi kekangan aliran tunai ekoran kelembapan ekonomi semasa. Jawatankuasa itu juga, katanya akan memudahkan penyusunan semula hutang korporat dengan pemberi pinjaman atau instrumen hutang, termasuk sekuriti hutang swasta. Sementara itu, Zeti berkata, Institut Jaminan Kewangan (FGI) yang cadangan penubuhannya diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam bajet mini dua minggu lalu akan ditubuhkan pada pertengahan Mei ini. “Institusi itu akan menawarkan penambahbaikan kredit bagi syarikat khususnya bagi mengakses kepada pasaran bon, justeru memperoleh dana bagi tujuan pengembangan operasi,” katanya.

28 Mac 2009 (Sabtu)

GLC diminta utamakan kontraktor Bumiputera

Beri kontrak bernilai besar bantu syarikat ketika gawat

SYARIKAT berkaitan kerajaan (GLC) seperti Petronas, Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd diminta mengutamakan kontraktor Bumiputera dalam pemberian kontrak bagi menjaga kepentingan golongan itu yang menerima kesan akibat kelembapan ekonomi global. Wakil Umno Pahang, Amiruddin Mohd Said, berkata dalam soal itu, GLC harus lebih peka dan memberikan kontrak kecil kepada Bumiputera dan bukannya pelabur asing. “Jika kepemimpinan GLC tidak mengikut aspirasi, kita tukar saja mereka,” katanya ketika mencadangkan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Umno, semalam. Amiruddin berkata, GLC juga sepatutnya memberikan kontrak yang bernilai besar dan lebih bermutu kepada Bumiputera itu supaya pendapatan mereka bertambah baik. ‘Kalau boleh, janganlah setakat memberikan kontrak mudah seperti kerja mencuci lantai, tandas dan sebagainya. Berilah kontrak yang baik sedikit,” katanya.

Selain itu, Amiruddin berkata, bagi memastikan wujud peluang pekerjaan yang bernilai tinggi, Umno Pahang mencadangkan supaya kerajaan menyuburkan kembali pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC). Katanya, pelan aplikasi negara seperti sekolah bestari, kad pintar dan e-kerajaan yang akan menjadi strategi jangka panjang dalam membentuk peluang pekerjaan berteraskan ilmu dan pengetahuan juga perlu diperkembangkan kembali.

Mengenai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan baru-baru ini, beliau berkata, perbelanjaan segera dana di bawah pakej itu adalah kritikal bagi memastikan ia memberikan kesan serta-merta dan sepenuhnya kepada ekonomi. "Bagi mempercepatkan pengagihan dan pelaksanaan projek, kami mencadangkan supaya jawatankuasa teknikal pelaksanaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dirombak dan dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri," katanya.

Dalam mengharungi cabaran kemelesetan ekonomi semasa, Amiruddin berkata, kerajaan perlu memberikan penekanan antaranya kepada keperluan asas masyarakat selain berusaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka yang diberhentikan kerja akibat kemelesetan ekonomi untuk bekerja dalam sektor awam. "Bagi membantu golongan berpendapatan rendah, bantuan kewangan diberikan terus kepada mereka menerusi sistem kupon makan dan kupon pengangkutan ke sekolah," katanya.

29 Mac 2009 (Ahad)

RM200b lagi Bajet 2010

Najib umum pertambahan

KUALA LUMPUR: Kerajaan mungkin memperuntukkan kira-kira RM200 bilion lagi di bawah Bajet 2010, sekali gus menjadikan peruntukan menjana ekonomi negara mencecah sekitar RM470 bilion, kata Datuk Seri Najib Razak. Timbalan Perdana Menteri berkata, sebelum ini peruntukan RM206 bilion di bawah Bajet 2009 sudah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selain dua pakej rangsangan ekonomi masing-masing berjumlah RM7 bilion dan RM60 bilion yang diumumkan beliau sendiri.

Najib yang juga Menteri Kewangan dan Presiden Umno yang baru, berkata kerajaan yakin usaha melalui empat kumpulan peruntukan itu berjumlah sekitar RM470 bilion mampu menjana ekonomi negara dengan lebih baik. "Walaupun begitu, keberkesanannya masih bergantung kepada suasana ekonomi luar negara," katanya ketika menggulung perbahasan usul ekonomi pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 2008 di sini, semalam.

Najib juga mengumumkan satu laman web khas mengenai pemantauan dan perbelanjaan pakej rangsangan akan dilancarkan dua minggu lagi. "Semua orang boleh mengakses laman web ini, menjadikan usaha kita terbukti telus dan terbuka. Ini semua dilakukan kerana keprihatinan terhadap tanggungjawab agar setiap sen dibelanjakan sampai kepada sasaran, terutama rakyat yang memerlukannya," katanya.

Kerajaan sebelum ini menubuhkan Unit Pengurusan Projek bagi memastikan pelaksanaan kedua-dua pakej rangsangan itu berjalan lancar. Najib berkata, RM1.5 bilion akan dibelanjakan

sehingga akhir bulan depan dan RM2.5 bilion sehingga akhir Mei. "Ia membabitkan lebih 32,000 projek pembangunan yang akan membabitkan kontraktor kelas F, yang juga penyokong kuat dan setia Umno," katanya.

Mengenai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), beliau memperbetulkan dakwaan bahawa ada seorang lembaga pengarah terbabit dalam 60 syarikat. "Saya sudah periksa perkara ini. Ini adalah tidak mungkin disebabkan mengikut peraturan terkini, seseorang hanya boleh menjawat 10 jawatan ahli lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai dan 15 jawatan dalam syarikat sendirian berhad. "Kalau ada, beritahu saya, saya tidak akan membenarkan perkara ini berlaku," katanya sambil menegaskan perkembangan GLC sentiasa dipantau supaya selaras dengan aspirasi kerajaan dan jaminan itu disambut tepukan gemuruh perwakilan. Timbalan Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan meneruskan program untuk kesejahteraan rakyat. Kerajaan memperuntukkan RM27.9 bilion subsidi, antaranya bagi petrol, diesel, gas memasak, gandum, roti, gula, tepung, beras, buku teks, biasiswa, pendidikan, kesihatan, kebajikan dan tol lebuh raya, manakala tahun lalu subsidi RM34.1 bilion disediakan.

30 Mac 2009 (Isnin)

Pendidikan - Lapan IPT tempatan, antarabangsa ditawarkan status swaakreditasi

SELAIN penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 turut memperuntukkan status swaakreditasi kepada institusi pengajian tinggi (IPT) yang matang dan mempunyai mekanisme jaminan kualiti dalaman mantap. Status itu kini ditawarkan Kementerian Pengajian Tinggi kepada lapan IPT terpilih termasuk empat universiti penyelidikan, iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memohon mendapatkan keistimewaan itu. Selain universiti terbabit, empat lagi adalah cawangan universiti antarabangsa di negara ini yang sudah pun mendapat status itu di negara asal iaitu Nottingham University, Monash University, Curtin University dan Swinburn University turut dijemput. Status swaakreditasi antara lain membolehkan IPT terbabit mengakreditasi program pengajian sendiri dan semua kelayakan yang ditawarkan universiti berstatus itu akan didaftar secara automatik dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). Bagi mendapatkan status itu, MQA menjelaskan IPT terbabit perlu melalui proses audit institusi termasuk Audit Prestasi Akademik sebelum ia dianugerahkan status swaakreditasi.

Semua IPT terbabit sudah mengesahkan permohonan masing-masing dan MQA akan menjalankan audit institusi bagi menentukan ia benar-benar layak mendapatkan status swaakreditasi. Secara umumnya, tawaran itu dibuat bersandar faktor IPT terbabit sudah lama wujud, selain mempunyai kekuatan jaminan kualiti dalaman yang dilihat mempunyai kebolehan, mekanisme dan struktur kukuh untuk melaksanakan tugas jaminan kualiti. Namun pada masa sama, MQA akan melakukan pemantauan secara berterusan bagi memastikan program pengajian yang ditawarkan universiti berstatus swaakreditasi dijamin kualitinya.

Bagi universiti penyelidikan, menurut MQA, status itu adalah ini salah satu keistimewaan yang bakal dinikmati universiti terbabit sejajar dengan peluasan kuasa autonomi sedia ada yang diberikan kepada mereka. Dalam perkembangan berkaitan, MQA mengingatkan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau setarafnya merujuk MQR bagi mengesahkan status akreditasi sesuatu program pengajian ditawarkan IPT di negara ini.

MQR menyediakan maklumat tepat mengenai semua kelayakan berdasarkan program yang telah diberi akreditasi, selain membolehkan pihak berkepentingan mengetahui, memahami serta membuat perbandingan mengenai ciri sesuatu kelayakan dan hubung kaitnya dengan kelayakan lain. Sehingga akhir bulan lalu, sejumlah 3,011 kelayakan diberikan kepada IPTA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti di negara ini. Pelajar boleh membuat carian mengikut senarai kelayakan IPTA atau IPTS menggunakan kata kunci, yang memaparkan maklumat berkaitan nama dan alamat institusi, nombor rujukan kelayakan, bidang dan nama kelayakan, tempoh sah laku, tahap kelayakan dan jam kredit bergraduasi.

30 Mac 2009 (Isnin)

Ekonomi - Kerajaan siap sedia ambil alih 4 firma air Selangor

Oleh Ahmad Farizal Hajat dan Tuan Nazuri Tuan Ismail bhbiz@bharian.com.my

KERAJAAN sudah membuat segala persiapan termasuk dari segi dokumentasi dan peruntukan bagi mengambil alih empat syarikat air Selangor iaitu Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak Niaga), Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Bhd (Splash), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dan Konsortium Abass Sdn Bhd. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata proses pengambilalihan yang akan membabitkan pemindahan aset dan liabiliti keempat-empat syarikat terbabit kepada Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB), syarikat kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan, akan dilaksanakan pada bila-bila masa. "Segala persiapan bagi proses pengambilalihan itu sudah lengkap, yang tinggal hanya menunggu hasil rundingan dengan keempat-empat syarikat dan kerajaan negeri," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di Kuala Lumpur, minggu lalu. Katanya, tujuan pengambilalihan aset dan liabiliti daripada syarikat konsesi terbabit adalah bagi meringankan beban mereka dan ini sekali gus turut tidak akan membebankan pengguna.

Sebagai contoh, beliau menjelaskan, menerusi pemindahan aset kepada PAAB, syarikat boleh memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman daripada 15 kepada 30 tahun tanpa perlu memperuntukkan jumlah bayaran balik yang banyak. "Jika tempoh bayaran balik pinjaman singkat, manakala syarikat itu pula tidak mampu menanggung pembiayaan berkenaan, maka ia akan menyebabkan berlakunya peningkatan tarif air yang tinggi. "Jika langkah pemindahan aset itu dapat dimuktamadkan, syarikat yang terbabit akan memperoleh kelebihan terutama dari segi kadar rendah bagi pinjaman pembiayaan semula. Bagi pengguna, kita akan pastikan tarif air di Selangor tidak akan dinaikkan sepanjang tahun ini," katanya.

Sebelum ini, PAAB mengambil alih aset berkaitan air di Johor dan Melaka bagi pengstruktur semula syarikat konsesi air di bawah beberapa kerajaan negeri. Shaziman menambah, penstruktur itu dilakukan bagi mengurangkan jumlah hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat. Katanya, kementerian memutuskan menukar modal industri air yang mana PAAB mengambil alih pengurusan aset dan tanggungan kewangan serta bertanggungjawab bagi pembiayaan sebarang perbelanjaan modal pada masa depan. "Dengan kaedah itu, kerajaan negeri akan bebas daripada beban membayar balik pinjaman bekalan air kepada Kerajaan Pusat dan tidak perlu mengambil pinjaman baru untuk membangunkan infrastruktur bekalan air baru," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Puncak Niaga, Datuk Matlasa Hitam, berkata pihaknya belum menerima maklum balas berhubung pengambilalihan aset empat syarikat konsesi air, walaupun tarikh akhir yang diberikan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan tamat esok. Katanya, syarikat itu masih lagi menunggu maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan menerusi PAAB dan kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor berhubung pengambilalihan aset air itu. "Tarikh akhir dua hari lagi (Selasa). Kita masih menunggu maklum balas daripada kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan juga setakat ini belum ada maklum balas," katanya ketika ditemui selepas sambutan Hari Air Sedunia 2009 di pekarangan Wisma Rozali di Shah Alam, semalam.

Ditanya kenaikan tarif air sebanyak 37 peratus tahun ini, Matlasa berkata, ia bergantung kepada maklum balas kedua-dua pihak terbabit. Kerajaan Selangor menawarkan antara RM5.6 bilion hingga RM6 bilion untuk mengambil alih aset empat syarikat konsesi air iaitu Puncak Niaga, Splash, Abass dan Syabas. Puncak Niaga dan Syabas bagaimanapun menolak tawaran itu kerana harga yang ditawarkan di bawah paras harga sebenar. PAAB pula menawarkan RM9.7 bilion untuk mengambil alih aset yang dimiliki empat konsesi air itu.

31 Mac 2009 (Selasa)

Utara: Kompleks pemprosesan ikan terbesar di Kampung Gelonchor

Oleh Zuliaty Zulkiffli bhnews@bharian.com.my

Projek bernilai RM4.5 juta bagi pengeluaran produk tangkapan laut

KUALA KEDAH: Sebuah kompleks pemprosesan ikan terbesar di Malaysia akan dibina berhampiran pelantar ikan Kampung Gelonchor, Kubang Rotan di sini, untuk meningkatkan pengeluaran produk hasil tangkapan laut terutama ikan. Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah, Mohd Noor Had, berkata pembinaan kompleks baru yang membabitkan belanja RM4.5 juta itu akan dibina di atas tapak seluas 1.2 hektar dan mampu menghasilkan produk berkualiti dan dijangka beroperasi selewat-lewatnya September ini. Beliau berkata, kompleks itu bakal dilengkapi dengan mesin pemprosesan keropok serta isi ikan untuk menghasilkan bebola ikan, kek ikan dan keropok kering serta lekor untuk dijual di pasaran tempatan. "Kompleks pemprosesan hasil tangkapan nelayan yang sedia ada sekarang tidak

cukup untuk menempatkan barangan dan peralatan seperti mesin memproses keropok dan bagi tujuan itu kompleks baru yang lebih luas dan sedang dibina. "Dengan pembinaan kompleks pemprosesan ikan baru itu nanti, LKIM yakin ia dapat memberi peluang pekerjaan kepada isteri dan anak nelayan untuk bekerja di situ, sekali gus menambah pendapatan isi rumah keluarga nelayan di kawasan terbabit," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat agung Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kedah di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah LKIM, Datuk Mustafa Ahmad; Pengerusi Persatuan Nelayan Kedah (Nekad), Amarudin Husin dan Pengerusi PNK Kuala Kedah, Abdul Hamid Bahari. Sementara itu, Mustafa ketika ditemui berkata, Kompleks Pendaratan Ikan LKIM di Kampung Gelonchor dekat sini akan beroperasi sepenuhnya bermula Rabu ini selepas dua kali ditangguh sejak dibina pada 2004. Difahamkan, kompleks yang dibina dengan kos kira-kira RM60 juta itu sudah siap dan ia akan menjadi pusat pendaratan ikan serba moden dan terbesar di negeri ini.

"Semua bahagian pengurusan dan pentadbiran LKIM akan berpindah ke kompleks berkenaan pada Mei ini dan kita berharap segala operasi di bangunan baru itu berjalan lancar. "Ia akan dilengkapi pelbagai kemudahan, termasuk memberi ruang kepada nelayan untuk menjual hasil tangkapan mereka secara borong dan runcit. "Selain itu, kita percaya kualiti ikan akan lebih terjaga di kompleks baru ini memandangkan pelbagai kemudahan moden ada di situ, sekali gus memastikan pengguna mendapat bekalan ikan segar," katanya.

Dalam pada itu, Mustafa berkata, LKIM sedia membantu belia di kawasan itu untuk melaksanakan kempen Bumi Hijau dengan membabitkan diri dalam penternakan ikan keli menggunakan tangki atau tong gentian kaca bagi menambah pendapatan mereka.

31 Mac 2009 (Selasa)

Sentral: Jepun hulur bantuan peralatan RM30 juta

PUTRAJAYA: Kerajaan Jepun menghulurkan bantuan peralatan bernilai hampir RM30 juta kepada Malaysia untuk mengukuhkan aspek keselamatan maritim, sekali gus meningkatkan kecekapan bagi membanteras penyeludupan dan kegiatan lanun di sepanjang perairan Selat Melaka serta negara ini. Duta Jepun ke Malaysia, Masahiko Horie, berkata kira-kira 14,000 kapal negaranya menggunakan selat itu setiap tahun dan 80 peratus daripada import minyak ke Jepun diangkut dari Asia Barat melalui Selat Melaka. "Keselamatan di Selat Melaka adalah keutamaan yang amat tinggi, bukan saja untuk Malaysia tapi juga pengguna antarabangsa seperti Jepun," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani nota pertukaran diplomatik di antara kedua-dua negara berkaitan bantuan Jepun di Wisma Putra, semalam.

Pada majlis itu, Malaysia diwakili Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Rastam Mohd Isa, manakala Masahiko mewakili Jepun. Tahun lalu, Jepun menyumbang RM14.6 juta untuk tujuan berkenaan. Masahiko berkata, usaha kerajaan Malaysia bersama Singapura dan Indonesia

berjaya mengurangkan kegiatan lanun di selat itu. Katanya, kerjasama berterusan masih diperlukan memandangkan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, mungkin menjejaskan keselamatan di perairan berkenaan. Sementara itu, Rastam berkata, geran bantuan berkenaan dapat meningkatkan keupayaan agensi seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM) untuk menjalankan rondaan lebih kerap dan memantau perairan di Malaysia serta menjalankan operasi bagi menyekat penyeludupan dan kegiatan haram di laut.

Beliau berkata, sebanyak RM21.8 juta akan diberikan kepada KDRM, manakala RM8.1 juta untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). "Bantuan ini sudah pasti meningkatkan keupayaan polis marin dalam memperbaiki langkah keselamatan berkaitan trafik, usaha mencari dan menyelamatkan, mengesan komunikasi penyeludup serta kegiatan lanun," katanya.

31 Mac 2009 (Selasa)

Sabah&Sarawak: Agensi diminta pantau kegiatan ambil tanah bukit

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

Pemindahan boleh menyebabkan jalan sepanjang 20km rosak

KOTA KINABALU: Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTU) meminta kerjasama polis, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) negeri dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) memantau kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit di Teluk Sepanggar, dekat sini, yang dikesan menjadi punca peningkatan julat suhu. Selain itu, kegiatan terbabit dikesan turut menyebabkan kerosakan jalan dan mengancam nyawa pengguna jalan raya. Pengarah JTU Sabah, Datuk Osman Jamal, berkata kegiatan pemindahan tanah bukit itu didapati menjadi punca kerosakan jalan raya sepanjang 20 kilometer (km) yang menghubungkan Kampung Penampang Baru, dekat Jalan Sulaman ke Kampung Salimbangun, Menggatal, di sini yang menjadi tanggungjawab JKR dan DBKK. Katanya, laluan itu rosak akibat digunakan lori pengangkut tanah bukit dan jentera berat yang digunakan untuk mengambil dan memindahkan tanah bukit berkenaan.

"Sikap pemandu lori dan jentera berat yang dilaporkan keluar masuk dengan mengabaikan keselamatan pengguna Jalan Sulaman iaitu laluan utama ke bandar raya ini dan arah utara serta Pantai Timur negeri berada dalam bidang kuasa polis. "Parit yang tertimbus oleh tanah bukit sehingga menyebabkan berlaku banjir kilat pula adalah bidang kuasa JPS, manakala JPAS bertanggungjawab terhadap Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) kegiatan penarahan bukit. "Itu sebabnya kita meminta kerjasama pihak berkuasa terbabit dalam menangani masalah ini," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam. Beliau diminta mengulas laporan akhbar ini baru-baru ini mengenai kenyataan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, yang mahukan pengambilan tanah bukit di Teluk Sepanggar dikawal bagi mengelak peningkatan julat suhu yang memberi kesan negatif kepada penduduk seperti fenomena panas luar biasa dan banjir kilat. Kegiatan itu dikesan antara punca banjir kilat

walaupun hujan berlaku sekejap. Sebelum ini, Pakar Klimatologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Ramzah Dambul, mendedahkan julat suhu di Teluk Sepanggar mencecah 36 darjah Celsius, melebihi paras normal 28 hingga 31 darjah Celsius serta suhu berkenaan turut mengatasi julat normal bagi negara Khatulistiwa, iaitu 21 hingga 35 darjah Celsius. Ia susulan laporan akhbar ini berhubung lebih 30,000 penduduk Teluk Sepanggar berdepan fenomena suhu panas luar biasa dan masalah banjir kilat, dipercayai kesan pengambilan dan penggondolan tanah bukit untuk projek pembinaan perumahan serta bangunan komersial. Osman berkata, pihaknya mengesan ada individu atau syarikat melanggar Ordinan Tanah Sabah (Bab 68), Seksyen 23 dan 23A, iaitu mereka yang ingin mengambil atau memindahkan sumber alam semula jadi perlu memiliki lesen dikeluarkan JTU mengikut Kaedah Tanah Seksyen 3 (2) Ordinan berkenaan.

1 April 2009 (Rabu)

Utara: Setinggalan dapat tanah KTMB

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar bhnews@bharian.com.my

Kementerian Pengangkutan audit keluasan untuk ditukar status TOL

TAIPING: Kementerian Pengangkutan sedang menjalankan audit keluasan tanah milik KTM Bhd (KTMB) seluruh negara dan membanci jumlah setinggalan yang tinggal di tanah berkenaan. Menteri, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata KTMB dan Perbadanan Pengurusan Aset Keretapi juga akan berbincang dengan kerajaan negeri yang terbabit untuk mengkaji kemungkinan menukar status tanah untuk setinggalan. Beliau yang juga Presiden MCA berkata, antara cadangan kementerian itu ialah memberi Kebenaran Menduduki Sementara (TOL) atau hak milik kekal kepada setinggalan terbabit. Katanya, sebahagian daripada setinggalan terbabit tinggal di tanah bekas landasan kereta api Port Weld ke Taiping di Kuala Sepetang, dalam kawasan Parlimen Bukit Gantang.

"Disember lalu, saya mengambil inisiatif meminta KTMB mengaudit tanah mereka di seluruh negara dan membanci jumlah setinggalan yang terbabit. "Kita belum tahu keluasan tanah atau jumlah setinggalan yang terbabit tetapi kami akan mengusahakan sesuatu untuk membantu setinggalan ini," katanya kepada pemberita selepas dialog dengan Persatuan Peniaga Cina Taiping di sini, semalam.

Dialog itu dikendalikan oleh Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Ketika ditanya mengenai sentimen masyarakat Cina yang mewakili kira-kira 27 peratus daripada 55,563 pengundi di Bukit Gantang, Ong berkata, masih terlalu awal untuk menilai sokongan mereka. Katanya, media perlu menunggu hingga ke hari terakhir kempen Isnin minggu depan untuk mengetahui sokongan mereka. "Kita perlu menilai keadaan di akar umbi hingga ke hari terakhir kempen. Hari ini baru hari pertama ... masih terlalu awal. "Tumpuan kami sekarang ialah menangani dan menyelesaikan masalah rakyat," katanya.

1 April 2009 (Rabu)

MDV lulus 13 pinjaman industri bioteknologi

MALAYSIA Debt Ventures Bhd (MDV), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, meluluskan 13 pinjaman untuk industri bioteknologi bernilai RM221 juta dalam tempoh Mei 2008 hingga kini.

Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif MDV, Md Zubir Ansori Yahya, berkata sehingga Mac tahun ini, pinjaman bernilai RM81 juta sudah diagihkan kepada syarikat bioteknologi yang diperbadankan.

"Lebih separuh daripada pinjaman yang diluluskan adalah dalam sektor bioperindustrian, suku daripadanya dalam sektor penjagaan kesihatan, manakala sebahagian kecil dalam sektor biopertanian," katanya pada sidang media selepas Siri Penceramah Perniagaan dan Teknologi anjuran MDV di Kuala Lumpur, semalam.

Siri berkenaan yang masuk kali keempat penganjurannya bertemakan 'Industri Bioteknologi Malaysia: Mengharungi Kejatuhan Kewangan Dunia' menyediakan platform bagi peserta industri berkenaan bertukar fikiran, pendapat serta amalan terbaik. Mei tahun lalu, MDV melancarkan Program Pinjaman Bioteknologi bertujuan membantu usahawan bioteknologi terus bergerak maju dalam industri berkenaan.

1 April 2009(Rabu)

Laman web untuk rakyat pantau projek kerajaan

Laporan Mohamed Farid Noh mfarid@bharian.com.my



Papar maklumat, perbelanjaan terperinci pakej rangsangan

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan melancarkan laman web khas yang membolehkan rakyat dan pihak berwajib memantau perkembangan serta perjalanan projek disenaraikan dalam pakej rangsangan ekonomi pertama dan kedua mulai minggu depan. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha, berkata laman web berkenaan boleh diakses oleh orang ramai menerusi www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my.

"Laman web berkenaan sudah disiapkan dan hanya menunggu masa untuk dilancarkan minggu depan. Menerusi laman web ini kerajaan akan memaparkan maklumat perbelanjaan terperinci projek pakej rangsangan pertama dan kedua untuk tatapan rakyat. "Ia turut memaparkan status dan tahap perbelanjaan setiap projek yang sudah diluluskan. Selain itu, ia turut memuatkan jumlah peruntukan, jumlah projek dilaksanakan serta tahap kemajuannya.

"Laman web ini akan membolehkan orang ramai dan pihak berkepentingan melayari dan mengetahui perkembangan terkini status dan tahap perbelanjaan projek yang disenaraikan secara terperinci dan telus," katanya di Dewan Negara di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Khoo Soo Seang yang ingin tahu bagaimana kerajaan memastikan rakyat dapat melihat usaha merangsang ekonomi negara, khususnya menerusi pakej rangsangan yang diperkenalkan kerajaan baru-baru ini. Sementara itu, Kong berkata, sehingga kini RM6.5 bilion daripada RM7 bilion yang disenaraikan menerusi pakej rangsangan ekonomi pertama sudah diagihkan kepada kementerian dan agensi berkaitan.

"Daripada jumlah itu, 14,255 projek berjumlah RM1.584 bilion sedang dilaksanakan termasuk 6,621 projek di bawah Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) oleh Unit Penyelarasan," katanya.

2 April 2009 (Khamis)

Selatan: Kompleks mini pendaratan ikan RM2 juta dibina

BATU PAHAT: Sebuah kompleks mini bernilai RM2 juta akan dibina bersebelahan jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kampung Petani, di sini, bagi kemudahan kira-kira 3,000 nelayan tradisional di daerah ini. Ahli Parlimen Batu Pahat, Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata beliau akan mengemukakan cadangan itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bagi mendapatkan kelulusan serta pembiayaan.

Beliau berkata, nelayan Batu Pahat memerlukan satu tempat khas untuk pendaratan ikan selain kemudahan menjual hasil tangkapan serta pelbagai aktiviti lain. "Saya berjanji akan berusaha untuk merealisasikan hasrat Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Batu Pahat memiliki kompleks mini pendaratan ikan itu. "Lokasinya sudah kita kenal pasti, cuma sekarang kita memerlukan peruntukkan selain kelulusan kerajaan untuk membina kompleks mini itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika melawat tapak yang dicadangkan untuk pembinaan kompleks mini itu di Kampung Petani, di sini, bersama Pengarah LKIM Johor, Mohd Hanifah Hussein, baru-baru ini. Mohd Puad berkata, walaupun kompleks mini itu dibina, pihaknya akan mengekalkan jeti sedia ada di Rengit dan Senggarang untuk kemudahan nelayan menyimpan bot serta peralatan. Beliau berkata, pejabat LKIM dan PNK juga akan ditempatkan di kompleks mini itu untuk memudahkan nelayan berurusan dengan agensi berkaitan.

2 April 2009 (Khamis)

2 pengarah bersubahat keluar wang Tabung Haji

Oleh Suhana Roslan bhnews@bharian.com.my



GHAZALI dan Mohamed (kiri) ketika di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR: Dua pengarah Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd (MAM) didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tuduhan bersubahat mengeluarkan RM50 juta daripada akaun amanah Lembaga Tabung Haji, lapan tahun lalu. Hakim Rosenani Abd Rahman b menetapkan 7 April ini untuk menjatuhkan hukuman terhadap Pengarah Urusan MAM, Dr Ghazali Atan dan Pengarah Eksekutifnya, Mohamed Abdul Wahab. Dalam penghakimannya, Rosenani berkata, berdasarkan keterangan saksi, pihak pendakwaan membuktikan ada elemen pengeluaran wang sebanyak RM50 juta daripada Tabung Haji dan wang berkenaan dibayar kepada Mimos Bhd. Katanya, pendakwaan juga berjaya membuktikan Mimos bukan pihak yang berhak menerima wang itu dan kedua-dua tertuduh bersubahat dengan MAM untuk mengeluarkan wang Tabung Haji.

Ghazali dan Mohamed, kedua-duanya berusia 58 tahun, didakwa bersubahat mengeluarkan RM50 juta daripada akaun amanah Tabung Haji yang diselenggarakan MAM di Malayan Banking, Jalan Tun Perak bagi pembayaran kepada Mimos Bhd, pihak yang tidak berhak ke atas wang berkenaan. Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di C12A-1&2, Jalan Selaman 1, Palm Square, Ampang antara 18 April hingga 24 Mei 2001. Mereka dituduh mengikut Seksyen 47C(5) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (Akta 280) yang dibaca bersama Seksyen 122C(c) akta sama. Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda maksimum RM500,000 mengikut Seksyen 47C(9)(a) akta sama.

Mohamed juga menghadapi dua lagi tuduhan, iaitu secara sedar membenarkan satu pernyataan mengelirukan dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 13 Januari 2001 dan 19 Julai 2001 di pejabat SC di Pesiaran Bukit Kiara di sini. Bagaimanapun, bagi kedua-dua tuduhan itu dia dibebaskan dan dilepaskan selepas mahkamah mendapati pihak pembelaan gagal menunjukkan keraguan yang munasabah berikutan laporan audit yang dikeluarkan SC tidak menunjukkan sebarang laporan negatif.

3 April 2009 (Jumaat)

Najib PM keenam

Oleh Ahmad Naim Tahir dan Norfatimah Ahmad bhnews@bharian.com.my



ABDULLAH melambai pada upacara 'send-off' selaku Menteri Pertahanan di Kementerian Pertahanan, semalam.

Pak Lah menghadap Tuanku Mizan serah surat letak jawatan

KUALA LUMPUR: Proses peralihan kuasa kepemimpinan negara bermula semalam apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin bagi menyerahkan surat melepaskan jawatannya dan memohon perkenan melantik Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri keenam. Abdullah dilihat memasuki pekarangan Istana Negara di sini, kira-kira jam 10 pagi dengan menaiki Proton Perdana bernombor WCH 13 dan keluar kira-kira sejam selepas itu sambil tersenyum dan melambai kepada wakil media yang menunggu di luar istana.

Najib, 55, yang mengambil alih jawatan Presiden Umno daripada Abdullah pada Perhimpunan Agung parti itu minggu lalu, turut menghadap Yang di-Pertuan Agong setengah jam selepas itu. Timbalan Perdana Menteri dilihat memasuki perkarangan istana pada jam 11.25 pagi dan beredar kira-kira 45 minit dengan menaiki Proton Perdana bernombor pendaftaran WRP 11. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, ketika dihubungi Berita Harian mengesahkan Sultan Mizan memperkenalkan pelantikan Najib sebagai Perdana Menteri keenam.



NAJIB selepas menghadap Tuanku Mizan, semalam.

Istiadat pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan serta sumpah simpan rahsia di hadapan Seri Paduka akan diadakan di Istana Negara pada jam 10 pagi ini. Mohd Sidek berkata, istiadat bersejarah itu akan berlangsung seperti dijadualkan dan semua persiapan sudah diatur untuk memastikan upacara berkenaan berjalan lancar. "Selepas mengangkat sumpah jawatan sebagai

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib akan menandatangani surat menyimpan rahsia kerajaan sepanjang tempoh menduduki kerusi tertinggi kerajaan," katanya.

Mohd Sidek berkata, orang kenamaan tempatan dan wakil negara asing turut dijemput untuk menyaksikan istiadat itu, yang dijangka selesai sebelum tengah hari. Majlis penyerahan nota serah tugas Perdana Menteri oleh Abdullah kepada Najib pula dijadual berlangsung di Pejabat Perdana Menteri pada jam 4 petang. Pelantikan Najib mengulangi sejarah bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, yang memegang jawatan nombor satu dalam kerajaan dari 1970 hingga meninggal dunia pada 14 Januari 1976.

Najib dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Januari 2004 ketika menjadi Naib Presiden Umno paling kanan. Sebelum itu, beliau pernah menjadi Menteri Pendidikan (1995-1999) serta dua kali sebagai Menteri Pertahanan pada Oktober 1990 hingga April 1995 dan dari Disember 1999 sebelum berpindah ke Kementerian Kewangan pada 17 September 2008.

3 April 2009 (Jumaat)

Sentral: PNSB taja lawatan bekas MB RM1.7j

Oleh Wan Jailani Razak wanjai@bharian.com.my

SHAH ALAM: Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) membelanjakan kira-kira RM1.7 juta bagi menaja lawatan kerja bekas Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo ke Disneyland di Paris dan Walt Disney World Resort di Orlando, Florida, pada 2004. Perbelanjaan bagi lawatan yang disertai keluarganya dan pegawai kerajaan negeri di antara 17 Disember dan 24 Disember 2004 itu termasuk persinggahan empat hari di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Perkara itu didedahkan di hadapan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) pada hari terakhir pendengaran awam berkaitan sumbangan besar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Selangor kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis), di sini, kelmarin.

Ketua Eksekutif PNSB, Datin Khairiyah Abu Hassan ketika disoal Selcat, berkata PNSB membelanjakan tambahan RM10,000 ketika bekas pengerusi PNSB itu melakukan transit empat hari di Dubai. Bagaimanapun, tempoh transit yang lama itu dipersoalkan Selcat yang dipengerusikan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Teng Chang Khim.

"Macam mana transit mengambil masa empat hari?" kata Teng.

Menjawab satu pertanyaan Teng, Khairiyah berkata, PNSB membayar RM366,000 bagi membolehkan pasukan peninjau melaksanakan misi mereka di Morocco dan Disneyland di Paris beberapa hari sebelum itu. Bagaimanapun, keterangan itu dipersoal Teng yang mempertikai

kewajaran pasukan peninjau dihantar ke destinasi berkenaan sedangkan mereka bukan mahu memasuki hutan, selain boleh meminta bantuan kedutaan Malaysia di sana. Khairiyah berkata, lawatan itu adalah untuk mempelajari seni bina dan reka bentuk bangunan yang menggambarkan tamadun Islam. Beliau mengakui hasil lawatan itu ada dibincang tetapi tiada laporan dibuat. Selcat juga diberitahu tiada arkitek mengikuti rombongan itu kecuali Khairiyah yang juga seorang perancang bandar.

PNSB membelanjakan hampir RM750,000 termasuk ASD30,000 (RM110,000 ketika itu) dalam bentuk wang tunai untuk pengangkutan dan makan selama 10 hari lawatan ke Walt Disney World Resort di Orlando dan Honolulu. Selepas didedahkan dengan pelbagai perkara yang melibatkan dirinya bersalah pada persidangan Selcat itu, Dr Mohamad Khir semalam tampil membela diri menerusi laman blognya. Sambil menafikan melanggar undang-undang atas semua isu yang ditimbulkan, beliau mendakwa, Selcat yang bersidang sejak minggu lalu hanya bertujuan memburuk-burukkan dirinya tanpa berminat mencari kebenaran mahu pun kesalahan.

"Sungguh menghairankan bagaimana sidang Selcat yang asalnya hanya bertujuan melihat sumbangan anak syarikat kerajaan negeri kepada Balkis telah merayau-rayau ke dalam kewangan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). "Aneh sekali kerana tidak pula dipantau keseluruhan kewangan PNSB tetapi diambil bahagian-bahagian tertentu saja dengan niat ingin memburukkan saya," katanya menerusi laman blognya.

Dr Mohamad Khir berkata, beliau pada mulanya tidak berminat menjawab kenyataan separuh benar dalam sidang Selcat itu, tetapi memutuskan untuk memberi penjelasan selepas mendapati ada beberapa perkara tidak dijelaskan dengan baik. Antara lain, katanya, adalah tidak benar PNSB diarahkan membayar perjalanan anak-anak dan pembantu rumahnya ke mana-mana lawatan kerja yang dilakukannya, sebaliknya PNSB hanya membiayai dirinya dan isteri seperti diperuntukkan syarikat itu.

6 April 2009 (Isnin)

Utara: Ex-gratia untuk bekas tentera hilang upaya

Oleh Azmi Md Deros, Fazallah Pit, Norakmah Mat Youb, Nahar Tajri dan Omar Osman bhnews@bharian.com.my

Pembayaran ikut peratus kecacatan akibat kecederaan

SUNGAI PETANI: Kementerian Pertahanan mencadangkan supaya kira-kira 1,600 bekas anggota tentera yang hilang upaya akibat cedera ketika bertugas pada 70-an dan 80-an turut dibayar ex-gratia. Sehubungan itu, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Mej-Jen Datuk Zulkiflee Mazlan, berkata pihaknya sudah mengemukakan cadangan berkenaan kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan. "Kami berharap bekas

anggota itu turut mendapat faedah daripada pembayaran ex-gratia yang diumumkan sebelum ini dengan mengambil kira mereka yang cedera," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Pingat Jasa Malaysia kepada 18 bekas anggota tentera pelbagai pangkat, bantuan kerusi roda dan cek bantuan institut pengajian tinggi (IPT) kepada anak pesara tentera yang berjaya melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Zulkiflee berkata, ex-gratia ini dibayar secara sekali gus atau secara bulanan, mengikut peratus kecacatan atau tahap hilang upaya akibat kecederaan ketika bertugas berdasarkan penilaian Lembaga Perubatan ATM. Katanya, pembayaran ex-gratia merangkumi semua anggota keselamatan awam termasuk polis dan tentera. September tahun lalu, Datuk Seri Najib Razak ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan mengumumkan satu skim faedah baru termasuk pembayaran ex-gratia kepada anggota yang mengalami kecederaan akibat bencana kerja berkuat kuasa 1 Januari 2001.

Sebelum ini, bagi perkhidmatan ATM, faedah hilang upaya dan kematian hanya disediakan di bawah Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982. Mengikut peraturan sedia ada, jika seseorang anggota ATM mengalami hilang upaya yang dikaitkan dengan tugas ketika dalam perkhidmatan, mereka boleh dibayar pencen hilang upaya atau ganjaran hilang upaya pada kadar tertakluk darjah hilang upaya itu.

6 April 2009 (Isnin)

2.4 hektar dibeli untuk tempatkan 500 penduduk

Kerajaan selesaikan masalah dihadapi tiga generasi

SUNGAI PETANI: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah meluluskan serta-merta peruntukan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) untuk membeli sebidang tanah seluas 2.4 hektar tanah bagi penempatan kira-kira 500 penduduk keturunan India di Kampung Sungai Tukang di sini. Menterinya, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Keda sudah pun memulakan rundingan dengan pemilik tanah, Koperasi Kewangan dan Tanah Kebangsaan Bhd bagi membela nasib penduduk kampung itu.

Beliau yang juga Ketua Penerangan Umno, berkata anggaran nilai tanah seluas kira-kira 2.4 hektar itu adalah sekitar RM2 juta, tetapi nilai sebenar belian akan ditentukan dalam rundingan berkenaan. Sebaik saja urusan pembelian selesai, katanya, tanah itu akan diagih mengikut lot kepada penduduk kampung berkenaan berikutan masalah mereka sudah berlanjutan tiga generasi, iaitu sejak 1965.

"Ramai penduduk tidak puas hati kerana isu ini sejak dulu tiada kesudahannya, tetapi kini kita sudah ada jalan penyelesaian dengan membeli tanah itu melalui Keda. Kita harap semuanya berjalan lancar," katanya selepas merasmikan majlis penutupan Seminar Sehari Mengenai Peranan Jawatankuasa Tabika Kemas Parlimen Merbok di sini, semalam.

Muhammad berkata, sebahagian penduduk Kampung Sungai Tukang itu menjadi ahli koperasi dengan harapan dapat memiliki lot tanah tapi pentadbiran koperasi tidak membenarkannya. Keadaan itu menyebabkan kemelut yang tiada berkesudahan dan sebahagian penduduk menyalahkan kerajaan dalam isu berkenaan. "Kita meluluskan peruntukan dan rundingan juga dilakukan serta-merta. Kita mahu selesaikan segera isu ini dan tidak mahu masalah yang menjejaskan kehidupan rakyat terjejas dan berpanjangan.

"Kalau mahu mengharapkan Kerajaan Kedah yang dikuasai Pakatan Rakyat untuk membela mereka, lebih baik tidak usah. Mereka terlalu sibuk dengan polemik politik dan mencari salah orang lain," katanya.

7 April 2009 (Selasa)

Sentral: MBPJ senarai ketiga terbaik PBT seluruh negara

PETALING JAYA: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menduduki senarai ketiga dalam kategori pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara selepas berjaya memperoleh taraf empat bintang menerusi Penilaian Sistem Star Rating 2008 (SSR) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Datuk Bandarnya, Datuk Roslan Sakiman, berkata pengiktirafan yang mengandungi 352 indikator itu sah digunakan untuk tempoh dua tahun. Sebagai imbuhan, MBPJ diberi RM200,000 tetapi bukan dalam bentuk wang tunai sebaliknya dalam bentuk projek pembangunan.

Beliau berkata, dengan pengiktirafan itu, tidak bermakna Majlis boleh berpuas hati dan berasa selesa dengan kejayaan yang diperolehi. Usaha penambahbaikan hendaklah dilakukan secara berterusan khususnya dari segi pemantapan pengurusan organisasi dan sistem penyampaian perkhidmatan. "Bagaimanapun, terima kasih diucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan atas pencapaian yang kita peroleh ini. Sesungguhnya kita perlu bekerja lebih keras untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan Majlis lebih bermutu pada masa depan," katanya ketika mempengerusikan mesyuarat penuh bulanan Majlis itu di sini, baru-baru ini.

Katanya, antara isu yang dibangkitkan dalam SSR-PBT ialah urus tadbir, kepemimpinan dan integriti, kewangan dan hasil, bina upaya dan pembangunan sumber manusia, pelaksanaan akta/ undang-undang kecil, dasar kerajaan, peraturan dan garis panduan serta pembabitkan komuniti dan masyarakat. Sementara itu, Roslan berkata, MBPJ mengadakan operasi bersepadu ke atas pusat penyembelihan dan pemprosesan ayam tanpa lesen pada 19 hingga 22 Mac lalu di Kampung Sungai Kayu Ara dekat sini.

Operasi berkenaan membabitkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Kualiti Makanan Daerah Petaling dan Jabatan Alam Sekitar. Hasil daripada operasi itu dua sitaan dibuat di bawah Undang-Undang Kecil 57 (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen makanan (MBPJ) 2007. "Kita mengeluarkan notis dan arahan memberhentikan serta merta aktiviti penyembelihan dan pemprosesan ayam di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007. "Kawalan statik dilakukan pada 20 Mac hingga 24 Mac lalu bermula jam 11 malam hingga 8 pagi keesokan harinya bagi memantau aktiviti itu daripada beroperasi semula," katanya.

8 April 2009 (Rabu)

Sabah&Sarawak: Kegiatan ambil tanah bukit boleh jejas suhu

KOTA KINABALU: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) mengesahkan kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit di kawasan diliputi tumbuhan asal boleh menyebabkan peningkatan julat suhu seperti berlaku di Teluk Sepanggar, dekat sini.

Pengarahnya, Yabi Yangkat, berkata kegiatan itu turut memberi kesan kepada ketidakseimbangan ekologi sehingga mendorong pemanasan luar biasa dan banjir kilat di kawasan berkenaan. Katanya, Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) diperlukan oleh individu atau syarikat yang mengambil atau memindahkan tanah mencapai 40,000 meter padu di sesuatu kawasan untuk kegiatan pertanian, perindustrian dan pembinaan taman perumahan.

"Saya akan minta Ketua Penolong Pengarah (Operasi) JPAS, Dessy Aloysius menyiasat kes pengambilan dan pemindahan tanah bukit di Teluk Sepanggar bagi menentukan sama ada ia mematuhi EIA atau sebaliknya," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Yabi berkata, peningkatan julat suhu tidak berlaku sekiranya tanah bukit berkenaan diliputi bukan tumbuhan asal atau tumbuhan sekunder. Katanya, pengambilan dan pemindahan tanah bukit perlu mendapat kelulusan Pegawai Daerah yang juga Penolong Pemungut Hasil Tanah di daerah masing-masing mengikut Ordinan Tanah Sabah.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun mengenai kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit di Teluk Sepanggar yang perlu dikawal bagi mengelak peningkatan julat suhu hingga berlaku fenomena pemanasan luar biasa dan banjir kilat. Sebelum ini, Pakar Klimatologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Ramzah Dambul, dilaporkan berkata, julat suhu di Teluk Sepanggar mencecah 36 darjah Celsius, melebihi paras normal 28 hingga 31 darjah Celsius. Ia mengatasi julat normal bagi negara Khatulistiwa, iaitu 21 hingga 35 darjah Celsius.

8 April 2009 (Rabu)

RM1.03 bilion bagi tampung kos rawat pesakit miskin

KERAJAAN membelanjakan kira-kira RM1.03 bilion bagi menampung kos rawatan pesakit tidak berkemampuan, termasuk kakitangan awam yang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) bagi tempoh 2003 hingga tahun lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Kong Cho Ha, berkata bagi tempoh sama, IJN sudah merawat kira-kira 887,559 pesakit termasuk golongan tidak berkemampuan. Katanya, angka berkenaan membuktikan pembatalan penswastaan IJN tidak akan menjadi beban kepada kerajaan berikutan institut berkenaan sudah beroperasi sebagai syarikat kerajaan sejak ia ditubuhkan pada 1992.

"Kerajaan juga komited untuk terus meningkatkan operasi IJN setiap tahun bagi memastikan tahap kesihatan rakyat diberi keutamaan. "IJN kini sedang melaksanakan projek pembesaran untuk meningkatkan kapasiti daripada 274 katil kepada 438 katil, menambah bilik rawatan dan konsultasi, dewan bedah, farmasi serta kemudahan tempat letak kereta yang dijangka siap sepenuhnya awal tahun depan.

"Untuk rekod, sebelum ini, Sime Darby Bhd mengemukakan cadangan penswastaan IJN kepada Kementerian Kewangan dan kita memanjangkan cadangan berkenaan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk dinilai serta dikaji. "Bagaimanapun, pada Februari lalu, Sime Darby Bhd dengan rasmi menarik balik cadangan serta permohonan penswastaan itu," katanya.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Rizuan Abd Hamid yang ingin tahu sama ada pembatalan penswastaan IJN akan membebaskan kerajaan serta menjejaskan penambahbaikan operasi institut berkenaan. Sementara itu, Kong berkata, pecahan jumlah pendapatan yang dikumpul IJN pula membabitkan nilai RM289 juta (2008); RM270 juta (2007); RM253 juta (2006); RM233 juta (2005); 201 juta (2004) dan RM169 juta (2003).